KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# DEMOGRAFI PERNIAGAAN
# *BUSINESS DEMOGRAPHY*

# 2022



**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**
***DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA***

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

# DEMOGRAFI PERNIAGAAN
# *BUSINESS DEMOGRAPHY*
# 2022

**Pemakluman**

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal https://open.dosm.gov.my.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

***Announcement***

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides catalogue data and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through https://open.dosm.gov.my.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20$^{th}$. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75$^{th}$ Diamond Jubilee in 2024.*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by*:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

***Department of Statistics, Malaysia***

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

**MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| Tel | : | 03-8885 7000 |
| Faks | : | 03-8888 9248 |
| Portal | : | https://www.dosm.gov.my |
| Facebook/ X / Instagram | : | StatsMalaysia |
| E-mel / *Email* | : | info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / *general enquiries)* |
| | | data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / *data request & enquiries*) |

| | | |
|---|---|---|
| Harga /*Price* | : | RM30.00 |

Diterbitkan pada Oktober 2024 / *Published on October 2024*

**Hakcipta terpelihara /** *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

"Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia"

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

*"Source: Department of Statistics Malaysia"*

**ISSN 2600-9129**

Demografi Perniagaan 2022 merupakan penerbitan julung kali yang memaparkan statistik penubuhan, penutupan dan kadar survival enterpris bersumberkan pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Ia merupakan *experimental statistics* dan masih dalam peringkat pembangunan. Entiti perniagaan yang diliputi dalam penerbitan ini adalah syarikat yang berdaftar dengan SSM di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC).

Penerbitan ini adalah berdasarkan *Manual on Business Demography Statistics* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Cooperation and Development* (OECD) *and Eurostat*. Statistik demografi perniagaan membekalkan indikator antaranya bagi mengukur tahap daya saing perniagaan, pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan hasil dari penubuhan enterpris baru.

Penerbitan ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan sorotan utama statistik demografi perniagaan. Bahagian kedua mengandungi ringkasan penemuan bagi statistik demografi perniagaan yang meliputi tiga indikator asas iaitu statistik penubuhan, penutupan dan kadar survival enterpris di Malaysia. Bahagian ketiga mengandungi nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama semua pihak yang telah membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**
Ketua Perangkawan Malaysia

**Oktober 2024**

# PREFACE

*Business Demography 2022 is an inaugural publication that presents statistics on birth, death and survival rates of enterprises registered with the Companies Commission of Malaysia (CCM). It is an experimental statistics and still being developed. The business entities covered in this publication are companies registered with CCM under the Registration of Companies (ROC).*

*This publication is based on the Manual on Business Demography Statistics published by the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD) and Eurostat. Business demography statistics provide indicators to measure among others level of competitiveness, economic growth and the creation of new jobs resulting from formation of new enterprises.*

*This publication consists of three parts. The first part displays the main highlights of business demography statistics. The second part, contains summary of findings of business demography which covers three basic indicators, namely statistics on birth, death and survival rate of enterprises in Malaysia. The third section contains technical notes explaining concepts and definitions to help users understand the published statistics.*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future report is highly appreciated.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**
*Chief Statistician Malaysia*

***October 2024***

# KANDUNGAN

*CONTENTS*


| | Muka Surat<br>*Page* |
|---|---|
| **Kata Pengantar** | **i** |
| *Preface* | ii |
| **Kandungan**<br>*Contents* | **iii** |
| **Sorotan Utama** | **3** |
| *Main Highlights* | 4 |
| **Ringkasan Penemuan**<br>*Summary of Findings* | **5** |
| **Pengenalan** | **7** |
| *Introduction* | 16 |
| **Statistik Demografi Perniagaan** | **7** |
| *Business Demography Statistics* | 16 |
| **Statistik Demografi Perniagaan mengikut Sektor** | **9** |
| *Business Demography Statistics by Sector* | 18 |
| **Statistik Demografi Perniagaan mengikut Negeri** | **12** |
| *Business Demography Statistics by State* | 21 |
| **Kesimpulan** | **15** |
| *Conclusion* | 24 |
| **Limitasi** | **15** |
| *Limitation* | 24 |
| **Nota Teknikal** | **27** |
| *Technical Notes* | 29 |

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**

This page is deliberately left blank.

# SOROTAN UTAMA
## *MAIN HIGHLIGHTS*

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**

This page is deliberately left blank.

# DEMOGRAFI PERNIAGAAN 2022

## Penubuhan Enterpris

48,124 enterpris

Kadar 7.0%

## Bilangan Enterpris

688,844

## Penutupan Enterpris

55,470 enterpris

Kadar 8.1%

## Sektor

**Kadar Penubuhan Tertinggi**

7.3% — Perkhidmatan

**Kadar Penutupan Tertinggi**

11.1% — Perlombongan & pengkuarian

## Negeri

**Kadar Penubuhan Tertinggi**

8.1% — W.P. Putrajaya

**Kadar Penutupan Tertinggi**

11.1% — Perlis

## Survival

Kadar lima tahun survival bagi enterpris yang ditubuhkan pada 2017 dan masih lagi beroperasi pada tahun 2022

66.1%

Sumber: Demografi Perniagaan 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

# BUSINESS DEMOGRAPHY 2022

**Birth of Enterprises**

48,124 enterprise

Rate 7.0%

**Number of Enterprises**

688,844

**Death of Enterprises**

55,470 enterprise

Rate 8.1%

## Sector

**Highest Rate of Birth**

7.3%

Services

Mining & quarrying

**Highest Rate of Death**

11.1%

## State

W.P. Putrajaya

**Highest Rate of Birth**

8.1%

**Highest Rate of Death**

11.1%

Perlis

## Survival

**Five-year survival rate for enterprises established in 2017 and still survived in 2022**

66.1%

Source: Business Demography 2022, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

# RINGKASAN PENEMUAN

## *SUMMARY OF FINDINGS*

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**

This page is deliberately left blank.

## 1. PENGENALAN

Statistik Demografi Perniagaan memaparkan analisis berkaitan kitaran hidup sesebuah enterpris bermula dari ia ditubuhkan, menjalankan operasi perniagaan (aktiviti ekonomi) sehinggalah kepada penutupannya dan jangka masa sesebuah enterpris itu mampu bertahan sebelum ia menutup perniagaan.

Dalam penerbitan julung kali ini, enterpris yang diliputi adalah entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC). Statistik yang disediakan dalam penerbitan ini merangkumi tiga parameter asas iaitu bilangan enterpris, bilangan penubuhan dan penutupan enterpris serta kadar survival enterpris bagi tempoh siri masa dari tahun 2017 hingga 2022. Parameter asas ini diperincikan ke peringkat sektor dan negeri bagi tahun 2022.

## 2. STATISTIK DEMOGRAFI PERNIAGAAN

### 2.1 BILANGAN ENTERPRIS

Dalam tempoh 2017 hingga 2022, bilangan enterpris tertinggi dicatatkan pada tahun 2017 iaitu 726,362. Bilangan enterpris menunjukkan trend yang menurun bagi tempoh empat tahun berturut-turut bermula pada tahun 2017 dengan bilangan enterpris terendah dicatatkan pada tahun 2020 iaitu 681,832. Ini berikutan daripada penularan pandemik COVID-19 di mana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Malaysia bermula pada 18 Mac 2020, dengan hanya *essential sector* dibenarkan beroperasi dan menyebabkan kebanyakan perniagaan terjejas (**Carta 1**).

### 2.2 BILANGAN PENUBUHAN DAN PENUTUPAN ENTERPRIS

Dalam tempoh sama, bilangan penubuhan enterpris melebihi paras 45,000 kecuali pada tahun 2020. Bilangan tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 iaitu 48,124 manakala terendah dicatatkan pada tahun 2020 iaitu 43,928.

Walau bagaimanapun, bilangan penutupan enterpris sentiasa melebihi bilangan penubuhan enterpris kecuali pada tahun 2021 yang juga mencatatkan bilangan penutupan enterpris terendah iaitu 30,956. Manakala, bilangan penutupan enterpris tertinggi dicatatkan pada tahun 2017 dengan 82,518 (**Carta 1**).

**Carta 1 : Bilangan Penubuhan dan Penutupan Enterpris, 2017 - 2022**




## 2.3 KADAR PENUBUHAN DAN PENUTUPAN ENTERPRIS

Kadar penubuhan enterpris kekal melebihi paras 6.0 peratus dalam tempoh 2017 hingga 2022, dengan kadar tertinggi direkodkan pada tahun 2022 iaitu 7.0 peratus, manakala kadar terendah dicatatkan pada 2020 dengan 6.4 peratus. Kadar penutupan enterpris sentiasa melebihi kadar penubuhan kecuali pada tahun 2021. Kadar penutupan enterpris tertinggi dicatatkan pada tahun 2017 iaitu 11.4 peratus manakala terendah dicatatkan pada 2021 iaitu 4.4 peratus (**Paparan 1**).

**Paparan 1 : Kadar Penubuhan dan Penutupan Enterpris, 2017 - 2022**

| Kadar | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Penubuhan Enterpris (%) | 6.5 | 6.7 | 6.7 | 6.4 | 6.5 | 7.0 |
| Penutupan Enterpris (%) | 11.4 | 9.8 | 8.1 | 8.4 | 4.4 | 8.1 |

## 2.4 KADAR SURVIVAL ENTERPRIS

Dalam konteks kadar survival enterpris, kadar satu tahun survival bagi enterpris yang ditubuhkan pada tahun 2017 hingga 2021 adalah di antara 94.2 peratus hingga 97.3 peratus, tertinggi pada tahun 2017 (97.3%) dan terendah pada 2018 (94.2%). Sementara itu, kadar lima tahun survival enterpris yang ditubuhkan pada tahun 2017 dan masih beroperasi pada 2022 adalah 66.1 peratus (**Paparan 2**).

**Paparan 2 : Kadar Survival Enterpris, 2017 - 2021**

| Tahun Survival | Penubuhan Enterpris | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 (%) | 2018 (%) | 2019 (%) | 2020 (%) | 2021 (%) |
| Satu | 97.3 | 94.2 | 96.1 | 97.1 | 96.7 |
| Dua | 90.7 | 88.6 | 90.8 | 91.4 | |
| Tiga | 85.2 | 84.5 | 85.6 | | |
| Empat | 77.2 | 73.0 | | | |
| Lima | 66.1 | | | | |

# 3. STATISTIK DEMOGRAFI PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR

## 3.1 BILANGAN PENUBUHAN DAN PENUTUPAN ENTERPRIS

Dari perspektif sektoral, pada tahun 2022, sektor yang paling dominan iaitu sektor Perkhidmatan merekodkan bilangan enterpris tertinggi sebanyak 544,403 (79.0%) diikuti sektor Pembinaan sebanyak 59,771 (8.7%). Dari segi penubuhan enterpris, sektor Perkhidmatan menyumbang bilangan tertinggi iaitu 39,764 (82.6%) manakala yang terendah ialah sektor Perlombongan & pengkuarian dengan 506 (1.1%). Merujuk kepada penutupan enterpris, sektor Perkhidmatan merekodkan bilangan tertinggi dengan 44,064 (79.4%) manakala sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan bilangan terendah iaitu 832 (1.5%) (**Paparan 3**).

**Paparan 3 : Bilangan Penubuhan dan Penutupan Enterpris mengikut Sektor, 2022**




## 3.2 KADAR PENUBUHAN DAN PENUTUPAN ENTERPRIS

Pada tahun 2022, kadar penubuhan enterpris tertinggi dicatatkan oleh sektor Perkhidmatan iaitu 7.3 peratus manakala sektor Pembuatan mencatatkan kadar terendah iaitu 5.3 peratus. Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan kadar penutupan enterpris tertinggi iaitu 11.1 peratus dan kadar penutupan terendah dicatatkan oleh sektor Pembuatan iaitu 7.3 peratus (**Paparan 4**).

**Paparan 4 : Kadar Penubuhan dan Penutupan Enterpris mengikut Sektor, 2022**

| Kadar | Pertanian | Perlombongan & pengkuarian | Pembuatan | Pembinaan | Perkhidmatan |
|---|---|---|---|---|---|
| Penubuhan Enterpris (%) | 6.6 | 6.8 | 5.3 | 5.8 | 7.3 |
| Penutupan Enterpris (%) | 7.6 | 11.1 | 7.3 | 8.2 | 8.1 |

### 3.3 KADAR SURVIVAL ENTERPRIS

Kadar lima tahun survival mengikut sektor bagi enterpris yang ditubuhkan pada 2017 dan masih beroperasi pada 2022 adalah di antara 64.2 peratus hingga 70.2 peratus. Kadar lima tahun survival mengikut sektor menunjukkan sektor Pembinaan mencatatkan kadar tertinggi dengan 70.2 peratus diikuti oleh sektor Pembuatan iaitu 66.8 peratus, kedua-duanya melebihi kadar lima tahun survival keseluruhan iaitu 66.1 peratus (**Paparan 5**).

**Paparan 5 : Kadar Survival Enterpris mengikut Sektor, 2017-2021**

| Sektor | Tahun Survival | Penubuhan Enterpris | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 (%) | 2018 (%) | 2019 (%) | 2020 (%) | 2021 (%) |
| Pertanian | Satu | 97.6 | 93.9 | 96.7 | 98.0 | 96.2 |
| | Dua | 92.0 | 87.1 | 90.6 | 93.6 | |
| | Tiga | 84.3 | 83.8 | 84.3 | | |
| | Empat | 75.2 | 70.8 | | | |
| | Lima | 64.5 | | | | |
| Perlombongan & pengkuarian | Satu | 97.0 | 94.8 | 95.4 | 97.5 | 97.4 |
| | Dua | 92.1 | 89.9 | 90.9 | 91.5 | |
| | Tiga | 85.5 | 83.4 | 85.1 | | |
| | Empat | 75.3 | 70.0 | | | |
| | Lima | 64.2 | | | | |
| Pembuatan | Satu | 97.6 | 94.1 | 95.9 | 96.8 | 96.9 |
| | Dua | 92.0 | 88.5 | 91.0 | 90.8 | |
| | Tiga | 87.3 | 84.3 | 86.1 | | |
| | Empat | 78.6 | 72.6 | | | |
| | Lima | 66.8 | | | | |
| Pembinaan | Satu | 98.1 | 95.6 | 96.0 | 97.6 | 96.9 |
| | Dua | 93.1 | 90.8 | 91.9 | 93.2 | |
| | Tiga | 88.3 | 87.4 | 87.7 | | |
| | Empat | 80.8 | 76.4 | | | |
| | Lima | 70.2 | | | | |
| Perkhidmatan | Satu | 97.2 | 94.1 | 96.1 | 97.1 | 96.7 |
| | Dua | 90.3 | 88.4 | 90.7 | 91.1 | |
| | Tiga | 84.6 | 84.2 | 85.4 | | |
| | Empat | 76.8 | 72.9 | | | |
| | Lima | 65.7 | | | | |

## 4. STATISTIK DEMOGRAFI PERNIAGAAN MENGIKUT NEGERI

### 4.1 BILANGAN ENTERPRIS

Tiga negeri yang mencatatkan bilangan enterpris tertinggi pada tahun 2022 adalah W.P. Kuala Lumpur (221,687), diikuti Selangor (182,825) dan Johor (66,268). Manakala, tiga negeri dengan bilangan enterpris terendah adalah W.P. Putrajaya (532), Perlis (790) dan W.P. Labuan (1,059) (**Paparan 6**).

### 4.2 BILANGAN PENUBUHAN DAN PENUTUPAN ENTERPRIS

Dari segi penubuhan enterpris, bilangan penubuhan enterpris tertinggi dicatatkan oleh W.P. Kuala Lumpur (15,801), diikuti Selangor (13,742) dan Johor (4,819). Manakala bilangan penubuhan enterpris terendah direkodkan oleh W.P. Labuan (31), diikuti Perlis (40) dan W.P. Putrajaya (43).

Trend yang sama dilihat bagi penutupan enterpris, di mana bilangan penutupan enterpris tertinggi dicatatkan oleh W.P. Kuala Lumpur (19,924), diikuti Selangor (15,773) dan Johor (4,817). Manakala bilangan penutupan enterpris terendah dicatatkan oleh W.P. Putrajaya (27), diikuti W.P. Labuan (58) dan Perlis (88) (**Paparan 6**).

### 4.3 KADAR PENUBUHAN DAN PENUTUPAN

Tiga negeri dengan kadar penubuhan tertinggi adalah W.P. Putrajaya (8.1%), diikuti Selangor (7.5%) dan Kedah (7.4%), manakala tiga negeri yang mencatatkan kadar penubuhan enterpris terendah adalah W.P. Labuan (2.9%), diikuti Perlis (5.1%) dan Perak (5.3%).

Bagi kadar penutupan pula, Perlis (11.1%), Kelantan (10.2%) dan W. P. Kuala Lumpur (9.0%) mencatatkan kadar penutupan enterpris tertinggi manakala W.P. Putrajaya (5.1%), Melaka (5.4%), dan W.P. Labuan (5.5%) adalah tiga negeri yang mencatatkan kadar penutupan enterpris terendah (**Paparan 6**).

**Paparan 6 : Statistik Demografi Perniagaan mengikut Negeri, 2022**

| Negeri | Bilangan Enterpris | Bilangan Penubuhan Enterpris | Kadar Penubuhan Enterpris (%) | Bilangan Penutupan Enterpris | Kadar Penutupan Enterpris (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| **MALAYSIA** | **688,844** | **48,124** | **7.0** | **55,470** | **8.1** |
| Johor | 66,268 | 4,819 | 7.3 | 4,817 | 7.3 |
| Kedah | 15,311 | 1,140 | 7.4 | 1,076 | 7.0 |
| Kelantan | 6,836 | 431 | 6.3 | 694 | 10.2 |
| Melaka | 14,827 | 868 | 5.9 | 794 | 5.4 |
| Negeri Sembilan | 11,245 | 797 | 7.1 | 846 | 7.5 |
| Pahang | 12,658 | 761 | 6.0 | 1,052 | 8.3 |
| Perak | 27,184 | 1,440 | 5.3 | 1,891 | 7.0 |
| Perlis | 790 | 40 | 5.1 | 88 | 11.1 |
| Pulau Pinang | 47,357 | 3,136 | 6.6 | 3,213 | 6.8 |
| Sabah | 30,824 | 1,840 | 6.0 | 2,283 | 7.4 |
| Sarawak | 43,164 | 2,841 | 6.6 | 2,462 | 5.7 |
| Selangor | 182,825 | 13,742 | 7.5 | 15,773 | 8.6 |
| Terengganu | 6,277 | 394 | 6.3 | 472 | 7.5 |
| W.P. Kuala Lumpur | 221,687 | 15,801 | 7.1 | 19,924 | 9.0 |
| W.P. Labuan | 1,059 | 31 | 2.9 | 58 | 5.5 |
| W.P. Putrajaya | 532 | 43 | 8.1 | 27 | 5.1 |

### 4.4 KADAR LIMA TAHUN SURVIVAL

Bagi enterpris yang ditubuhkan pada 2017 dan masih beroperasi pada 2022, kadar lima tahun survival tertinggi dicatatkan oleh Sarawak (73.8%), diikuti Perak (71.9%) dan W.P. Putrajaya (71.4%). Sebanyak sebelas negeri mencatatkan kadar lima tahun survival melebihi kadar keseluruhan 66.1 peratus (**Paparan 7**).

**Paparan 7: Kadar Lima Tahun Survival mengikut Negeri, 2022**



## 5. KESIMPULAN

Statistik Demografi Perniagaan dalam penerbitan ini membekalkan tiga parameter asas iaitu bilangan enterpris, bilangan penubuhan enterpris & penutupan enterpris dan kadar survival enterpris dalam bentuk siri masa bagi tempoh lima tahun. Berdasarkan analisis yang dilaksanakan, statistik Demografi Perniagaan 2017 hingga 2022 menunjukkan kadar penubuhan enterpris baru kekal melebihi paras 6.0 peratus dengan kadar penutupan melebihi kadar penubuhan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2021.

Kadar penubuhan enterpris terendah dicatatkan pada 2020 ketika seluruh dunia berdepan dengan pandemik COVID-19. Pelbagai insentif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan sebagai langkah intervensi dilihat berkesan di mana kadar penutupan enterpris terendah dalam tempoh 2017 hingga 2022 dicatatkan pada tahun 2021.

Dari segi kadar survival, 66.1 peratus enterpris yang ditubuhkan pada 2017 masih bertahan sehingga ke tahun 2022. Sementara itu, 33.9 peratus telah menamatkan perniagaan selepas lima tahun.

## 6. LIMITASI

i. Data adalah merujuk kepada data awalan dan disemak dari semasa ke semasa.

ii. Statistik ini memfokus kepada satu bentuk entiti perniagaan sahaja iaitu syarikat yang didaftarkan di bawah Pendaftaran Syarikat (ROC) dan terhad kepada parameter asas.

iii. Syarikat yang diliputi dalam penerbitan ini diandaikan aktif dan mempunyai pekerja atau pendapatan pada tahun rujukan.

iv. Statistik ini adalah *experimental statistics*. Oleh itu, interpretasi data hendaklah mengambil kira limitasi dan andaian.

v. Perbandingan statistik ini dengan statistik rasmi lain yang diterbitkan DOSM hendaklah dibuat dengan berhati-hati dengan mengambil kira limitasi.

## 1. INTRODUCTION

*The Business Demography Statistics presents an analysis related to the life cycle of an enterprise starting from its inception, carrying out business operations (economic activity) up to its closure and the timespan an enterprise survives before it dissolves its business.*

*In this inaugural publication, the enterprises covered are business entities registered with Companies Commission of Malaysia (CCM) under the Registration of Companies (ROC). The statistics provided in this publication cover three basic parameters, namely the number of enterprises, the number of enterprise births and deaths, as well as the survival rate of enterprises for the time series period from 2017 to 2022. These basic parameters are detailed at the sector and state levels for the year 2022.*

## 2. BUSINESS DEMOGRAPHY STATISTICS

### 2.1 NUMBER OF ENTERPRISE

*In the period 2017 to 2022, the highest number of enterprises was recorded in 2017 at 726,362. The number of enterprises showed a declining trend for a period of four consecutive years starting in 2017 with the lowest number recorded in 2020 at 681,832 enterprises. This was due to the spread of the COVID-19 pandemic, whereby the Movement Control Order (MCO) throughout Malaysia began on 18 March 2020, allowing only essential sectors to operate, which severely impacted most businesses (**Chart 1**).*

### 2.2 NUMBER OF ENTERPRISE BIRTH AND DEATH

*During the same period, the number of enterprise births exceeded 45,000 except in 2020. The highest number was recorded in 2022 at 48,124 while the lowest was recorded in 2020 at 43,928.*

*However, the number of enterprise deaths has always exceeded the number of enterprise births except in 2021, which also recorded the lowest number of enterprise deaths at 30,956. Meanwhile, the highest number of enterprise deaths was recorded in 2017 with 82,518 (**Chart 1**).*

**Chart 1 : Number of Enterprise Birth and Death, 2017 - 2022**




## 2.3 ENTERPRISE BIRTH AND DEATH RATES

*The enterprise birth rate remained above 6.0 per cent during the period from 2017 to 2022, with the highest rate recorded in 2022 at 7.0 per cent, while the lowest rate was recorded in 2020 at 6.4 per cent. The enterprise death rates had consistently exceeded the birth rates except in 2021. The highest enterprise death rate was recorded in 2017 at 11.4 per cent while the lowest was in 2021 at 4.4 per cent (**Exhibit 1**).*

**Exhibit 1 : Enterprise Birth and Death Rate, 2017 - 2022**

| Rate | 2017 | 2018 | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Birth of Enterprise (%) | 6.5 | 6.7 | 6.7 | 6.4 | 6.5 | 7.0 |
| Death of Enterprise (%) | 11.4 | 9.8 | 8.1 | 8.4 | 4.4 | 8.1 |

### 2.4 ENTERPRISE SURVIVAL RATE

*In the context of the enterprises survival rates, the one-year survival rate for enterprises established in 2017 to 2021 was between 94.2 per cent to 97.3 per cent, with the highest in 2017 (97.3%) and the lowest in 2018 (94.2%). Meanwhile, the five-year survival rate of enterprises established in 2017 and survived until 2022 was 66.1 per cent (**Exhibit 2**).*

**Exhibit 2 : Enterprise Survival Rate, 2017 - 2021**

| Years of Survival | Birth of Enterprise | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 (%) | 2018 (%) | 2019 (%) | 2020 (%) | 2021 (%) |
| One | 97.3 | 94.2 | 96.1 | 97.1 | 96.7 |
| Two | 90.7 | 88.6 | 90.8 | 91.4 | |
| Three | 85.2 | 84.5 | 85.6 | | |
| Four | 77.2 | 73.0 | | | |
| Five | 66.1 | | | | |

## 3. BUSINESS DEMOGRAPHY STATISTICS BY SECTOR

### 3.1 NUMBER OF ENTERPRISE BIRTH AND DEATH

*From the sectoral perspective, in 2022, the most dominant sector was the Services sector which recorded the highest number of enterprises at 544,403 (79.0%) followed by Construction sector at 59,771 (8.7%). In terms of enterprise birth, the Services sector contributed to the highest number which was 39,764 (82.6%) while the Mining & quarrying sector recorded the lowest with 506 (1.1%). Regarding enterprise death, Services sector recorded the highest number at 44,064 (79.4%) whereas Mining & quarrying sector recorded the lowest with 832 (1.5%) (**Exhibit 3**).*

***Exhibit 3 : Number of Enterprise Birth and Death by Sector, 2022***




## *3.2 ENTERPRISE BIRTH AND DEATH RATES*

*The highest enterprise birth rate in 2022 was recorded by Services sector at 7.3 per cent while Manufacturing sector recorded the lowest rate at 5.3 per cent. The Mining & quarrying sector recorded the highest enterprise death rate of 11.1 per cent, while the lowest death rate was recorded by the Manufacturing sector at 7.3 per cent (**Exhibit 4**).*

***Exhibit 4 : Enterprise Birth and Death Rates by Sector, 2022***

| Rate | Agriculture | Mining & quarrying | Manufacturing | Construction | Services |
|---|---|---|---|---|---|
| Birth of Enterprise (%) | 6.6 | 6.8 | 5.3 | 5.8 | 7.3 |
| Death of Enterprise (%) | 7.6 | 11.1 | 7.3 | 8.2 | 8.1 |

### 3.3 ENTERPRISE SURVIVAL RATE

*The five-year survival rate by sector for enterprises established in 2017 and survived until 2022 was between 64.2 per cent to 70.2 per cent. Five-year survival rate by sector showed that Construction sector had the highest survival rate of 70.2 per cent followed by Manufacturing sector at 66.8 per cent, both exceeding the overall five-year survival rate of 66.1 per cent (**Exhibit 5**).*

**Exhibit 5 : Enterprise Survival Rate by Sector, 2017-2021**

| Sector | Years of Survival | Birth of Enterprise | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 (%) | 2018 (%) | 2019 (%) | 2020 (%) | 2021 (%) |
| Agriculture | One | 97.6 | 93.9 | 96.7 | 98.0 | 96.2 |
| | Two | 92.0 | 87.1 | 90.6 | 93.6 | |
| | Three | 84.3 | 83.8 | 84.3 | | |
| | Four | 75.2 | 70.8 | | | |
| | Five | 64.5 | | | | |
| Mining & quarrying | One | 97.0 | 94.8 | 95.4 | 97.5 | 97.4 |
| | Two | 92.1 | 89.9 | 90.9 | 91.5 | |
| | Three | 85.5 | 83.4 | 85.1 | | |
| | Four | 75.3 | 70.0 | | | |
| | Five | 64.2 | | | | |
| Manufacturing | One | 97.6 | 94.1 | 95.9 | 96.8 | 96.9 |
| | Two | 92.0 | 88.5 | 91.0 | 90.8 | |
| | Three | 87.3 | 84.3 | 86.1 | | |
| | Four | 78.6 | 72.6 | | | |
| | Five | 66.8 | | | | |
| Construction | One | 98.1 | 95.6 | 96.0 | 97.6 | 96.9 |
| | Two | 93.1 | 90.8 | 91.9 | 93.2 | |
| | Three | 88.3 | 87.4 | 87.7 | | |
| | Four | 80.8 | 76.4 | | | |
| | Five | 70.2 | | | | |
| Services | One | 97.2 | 94.1 | 96.1 | 97.1 | 96.7 |
| | Two | 90.3 | 88.4 | 90.7 | 91.1 | |
| | Three | 84.6 | 84.2 | 85.4 | | |
| | Four | 76.8 | 72.9 | | | |
| | Five | 65.7 | | | | |

## *4. BUSINESS DEMOGRAPHY STATISTICS BY STATE*

### *4.1 NUMBER OF ENTERPRISE*

*The three states with the highest number of enterprises in 2022 were W.P. Kuala Lumpur (221,687), followed by Selangor (182,825) and Johor (66,268). Meanwhile, the three states with the lowest number of enterprises were W.P. Putrajaya (532), Perlis (790) and W.P. Labuan (1,059) (**Exhibit 6**).*

### *4.2 NUMBER OF ENTERPRISE BIRTH AND DEATH*

*In terms of enterprise births, the highest number of enterprise birth was W.P. Kuala Lumpur (15,801), followed by Selangor (13,742) and Johor (4,819). While the lowest number of enterprise birth was in W.P. Labuan (31), followed by Perlis (40) and W.P. Putrajaya (43).*

*A similar trend was observed in enterprise death, the highest number of enterprise death was in W.P. Kuala Lumpur (19,924), followed by Selangor (15,773) and Johor (4,817). While the lowest number of enterprise death was in W.P. Putrajaya (27), followed by W.P. Labuan (58) and Perlis (88) (**Exhibit 6**).*

### *4.3 ENTERPRISE BIRTH AND DEATH RATES*

*The three states with the highest enterprise birth rate were W.P. Putrajaya (8.1%), followed by Selangor (7.5%) and Kedah (7.4%), while the three states that recorded the lowest enterprise birth rate were W.P. Labuan (2.9%), followed by Perlis (5.1%) and Perak (5.3%).*

*As for the enterprise death rate, Perlis (11.1%), Kelantan (10.2%) and W.P. Kuala Lumpur (9.0%) recorded the highest enterprise death rate, while W.P. Putrajaya (5.1%), Melaka (5.4%) and W.P. Labuan (5.5%) were the three states with the lowest enterprise death rate (**Exhibit 6**).*

### *Exhibit 6: Business Demography Statistics by State, 2022*

| State | Number of Enterprise | Number of Enterprise Birth | Enterprise Birth Rate (%) | Number of Enterprise Death | Enterprise Death Rate (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| **MALAYSIA** | **688,844** | **48,124** | **7.0** | **55,470** | **8.1** |
| Johor | 66,268 | 4,819 | 7.3 | 4,817 | 7.3 |
| Kedah | 15,311 | 1,140 | 7.4 | 1,076 | 7.0 |
| Kelantan | 6,836 | 431 | 6.3 | 694 | 10.2 |
| Melaka | 14,827 | 868 | 5.9 | 794 | 5.4 |
| Negeri Sembilan | 11,245 | 797 | 7.1 | 846 | 7.5 |
| Pahang | 12,658 | 761 | 6.0 | 1,052 | 8.3 |
| Perak | 27,184 | 1,440 | 5.3 | 1,891 | 7.0 |
| Perlis | 790 | 40 | 5.1 | 88 | 11.1 |
| Pulau Pinang | 47,357 | 3,136 | 6.6 | 3,213 | 6.8 |
| Sabah | 30,824 | 1,840 | 6.0 | 2,283 | 7.4 |
| Sarawak | 43,164 | 2,841 | 6.6 | 2,462 | 5.7 |
| Selangor | 182,825 | 13,742 | 7.5 | 15,773 | 8.6 |
| Terengganu | 6,277 | 394 | 6.3 | 472 | 7.5 |
| W.P. Kuala Lumpur | 221,687 | 15,801 | 7.1 | 19,924 | 9.0 |
| W.P. Labuan | 1,059 | 31 | 2.9 | 58 | 5.5 |
| W.P. Putrajaya | 532 | 43 | 8.1 | 27 | 5.1 |

## 4.4 FIVE-YEAR SURVIVAL RATE

*The highest five-year survival rate for enterprises established in 2017 and survived until 2022 were recorded by Sarawak (73.8%), followed by Perak (71.9%) and W.P. Putrajaya (71.4%). There are eleven states recorded a five-year survival rate above the overall rate of 66.1 per cent (**Exhibit 7**).*

**Exhibit 7: Five-year Survival Rate by State, 2022**



## 5. CONCLUSION

*The Business Demographics statistics in this publication provide three parameters, the number of enterprises, the number of enterprise births and enterprise deaths and the survival rate of enterprises in time series for a period of five years. According to the analysis, the Business Demography statistics 2017 to 2022 showed that enterprise birth rates consistently remained above 6.0 per cent, with the death rates exceeded the enterprise birth rates every year except in 2021.*

*The lowest enterprise birth rate was recorded in 2020, during the global COVID-19 pandemic. Various incentives were implemented by the government as intervention measures, proved to be effective as the lowest enterprise death rate during the period of 2017 to 2022 was recorded in 2021.*

*In terms of survival rate, 66.1 per cent of enterprises established in 2017 were still surviving in 2022. Meanwhile, 33.9 per cent had dissolved after five years.*

## 6. LIMITATION

i. *All data are preliminary and will be revised periodically.*

ii. *These statistics focus solely on one form of business entity, which is company registered under the Registration of Companies (ROC) and is limited to basic parameters.*

iii. *All companies covered in this publication are assumed to be active and had either employees or income in the reference year.*

iv. *These statistics are experimental statistics. Therefore, the interpretation of data must take into account the limitations and assumptions.*

v. *Comparisons of these statistics with other official statistics published by DOSM should be made with caution taking into account the above limitations.*

# NOTA TEKNIKAL

# *TECHNICAL NOTES*

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.**

This page is deliberately left blank.

**1. Jenis Entiti**

Merujuk kepada jenis penubuhan pertubuhan sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan. Sebuah pertubuhan boleh diperbadankan sebagai syarikat/ perkongsian liabiliti terhad atau tidak diperbadankan sebagai hak milik perseorangan/ perkongsian/ syarikat koperasi/ persatuan atau dalam lain-lain bentuk entiti.

**2. Enterpris**

Sebuah enterpris boleh terdiri dari satu atau gabungan beberapa pertubuhan yang merupakan satu entiti sah yang sama iaitu pertubuhan dan cawangan-cawangannya. Pertubuhan dan cawangan-cawangannya dikira sebagai satu enterpris yang sama.

**3. Demografi Perniagaan**

Statistik demografi perniagaan memberikan maklumat tentang kitaran hidup entiti perniagaan dan perkembangannya dari semasa ke semasa.

**4. Penubuhan Enterpris**

Merujuk kepada enterpris baru yang didaftarkan di bawah Pendaftaran Syarikat pada tahun rujukan. Senarai enterpris baru dan maklumat penubuhan diperoleh dari data pentadbiran SSM.

**5. Penutupan Enterpris**

Merujuk kepada enterpris yang menamatkan perniagaan dan dikeluarkan dari pendaftaran di SSM pada tahun rujukan. Senarai enterpris tutup dan maklumat penutupan diperoleh daripada data pentadbiran SSM.

**6. Kadar Survival Enterpris**

Merujuk kepada peratusan penubuhan dalam setiap tempoh rujukan dalam populasi demografi perniagaan.

**7. Sumber Data**

Data demografi perniagaan adalah berdasarkan senarai syarikat berdaftar yang diperoleh dari SSM.

**8. Liputan**

Penerbitan ini hanya meliputi enterpris yang ditubuhkan sebagai syarikat berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dan didaftarkan di SSM.

**9. Sektor**

Setiap enterpris diklasifikasikan mengikut aktiviti utama dan berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 (MSIC 2008) versi 1.0.

**10. Formula**

**Kadar Penubuhan Enterpris ($R_b$)**

$$R_b = \frac{n_b}{n_a} \times 100$$

di mana;

$n_b$ = bilangan penubuhan enterpris

$n_a$ = bilangan enterpris aktif

**Kadar Penutupan Enterpris ($R_d$)**

$$R_d = \frac{n_d}{n_a} \times 100$$

di mana;

$n_d$ = bilangan penutupan enterpris

$n_a$ = bilangan enterpris aktif

**Kadar Survival Enterpris ($SR_{xx+t}$)**

$$SR_{xx+t} = \frac{n_{b(xx+t)}}{n_{a(xx)}} \times 100$$

$t = 1$ hingga $n$

$n = 1, \ldots \ldots, k$ (minimum 5)

di mana;

$n_{b(xx+t)}$ = bilangan enterpris yang lahir pada tahun $xx$ dan masih hidup pada tahun $xx+t$

$n_{b(xx)}$ = bilangan enterpris yang lahir pada tahun $xx$

**1. *Type of Entity***

*Refers to business formation of an enterprise, whether incorporated or unincorporated. An enterprise may be incorporated as a company/ limited liability partnership or unincorporated as a sole proprietorship/ partnership/ cooperative company/ association or in any other form of entity.*

**2. *Enterprise***

*An enterprise may consist of one establishment or combination of establishments of the same legal entity i.e. establishment and its branches. Establishment and its branches are counted as one enterprise.*

**3. *Business Demography***

*Business demography statistics provide information about the life cycle of businesses and their development over time.*

**4. *Birth of Enterprise***

*Refers to new enterprise registered under the Registration of Companies in the reference year. The list of new entreprise and birth information is obtained from administrative data of the CCM.*

**5. *Death of Enterprise***

*Refers to enterprises that had dissolved business and deregistered from CCM register in the reference year. The list of terminated enterprises and information on the termination is obtained from CCM's administrative data.*

**6. *Survival Rate***

*Refers to the percentage of births in each reference periods in the business demography populations.*

**7. *Data Source***

*Business demography data is based on the list of registered companies obtained from CCM.*

## 8. Coverage

*This publication covers enterprise formed as a registered company under the Company Act 2016 and registered in CCM.*

## 9. Sector

*An enterprise is classified based on its principal activity and is in accordance with the Malaysia Standard Industrial Classification 2008 (MSIC 2008) version 1.0.*

## 10. Formula

***Enterprise Births Rate ($R_b$)***

$$R_b = \frac{n_b}{n_a} \times 100$$

*whereas;*

$n_b$ = *number of enterprise birth*

$n_a$ = *number of active enterprise*

***Enterprise Deaths Rate ($R_d$)***

$$R_d = \frac{n_d}{n_a} \times 100$$

*whereas;*

$n_d$ = *number of enterprise death*

$n_a$ = *number of active enterprise*

***Survival Rates of Enterprise ($SR_{xx+t}$ )***

$$SR_{xx+t} = \frac{n_{b(xx+t)}}{n_{a(xx)}} \times 100$$

$t = 1 \text{ to } n$

$n = 1, \ldots \ldots, k$ *(minimum 5)*

*whereas;*

$n_{b(xx+t)}$ = *number of enterprise born in year* $xx$ *and still alive in* $xx+t$

$n_{b(xx)}$ = *number of enterprise born in year* $xx$

**PERTANYAAN BERHUBUNG DENGAN PENERBITAN INI BOLEH JUGA DIBUAT DI PEJABAT PERANGKAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Johor,**
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,
Jalan Air Molek,
80000 Johor Bahru, Johor.
Tel. : 07-225 3700
Faks : 07-224 9972
E-mel : jpjohor@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kedah,**
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah,
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.
Tel. : 04-700 1240
Faks : 04-733 8412
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Kelantan,**
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,
Jalan Bayam,
15514 Kota Bharu, Kelantan.
Tel. : 09-741 9449
Faks : 09-748 2142
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Melaka,**
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya
75450, Ayer Keroh, Melaka.
Tel. : 06-252 2725
Faks : 06-252 2711
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sembilan,**
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,
Jalan Dato' Abdul Kadir,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.
Tel. : 06-765 5000
Faks : 06-765 5002
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pahang,**
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan, Pahang.
Tel. : 09-516 3931/7
Faks : 09-514 4636
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Pulau Pinang,**
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,
10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.
Tel. : 04-226 6244
Faks : 04-229 9499
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perak,**
Tingkat 3, Blok A,
Bangunan Persekutuan Ipoh,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),
30450 Ipoh, Perak.
Tel. : 05-255 4963
Faks : 05-255 1073
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Perlis,**
26B, Aras 2, KPARC,
01000 Kangar, Perlis.
Tel. : 04-977 1221
Faks : 04-977 1223/04-976 8950
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Selangor,**
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,
Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor.
Tel. : 03-5515 0200
Faks : 03-5518 0408
E-mel : jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Terengganu,**
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,
Jalan Sultan Ismail,
20200 Kuala Terenganu, Terengganu.
Tel. : 09-622 3062
Faks : 09-622 9659
E-mel : admin_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sabah,**
Tingkat 1-3, Blok C,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,
88999 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel. : 088-484 602
Faks : 088-484 659
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Negeri Sarawak,**
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,
93514 Kuching, Sarawak.
Tel. : 082-240 287
Faks : 082-242 609
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,
**Jabatan Perangkaan Malaysia, Wilayah Persekutuan,**
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel. : 03-2267 2400
Faks : 03-2691 0639
E-mel : jpwpkl@dosm.gov.my

## ENQUIRIES ABOUT THIS PUBLICATION CAN ALSO BE MADE AT THE FOLLOWING STATE STATISTICS OFFICES:


*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Johor,***
*14th Floor, Menara Tabung Haji,*
*Jalan Air Molek,*
*80000 Johor Bahru, Johor.*

*Tel. : 07-225 3700*
*Fax : 07-224 9972*
*Email : jpjohor@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Kedah,***
*1st Floor, Zon C, Wisma Persekutuan,*
*Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,*
*Bandar Muadzam Shah,*
*06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.*

*Tel. : 04-700 1240*
*Fax : 04-733 8412*
*Email : jpkedah@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Kelantan,***
*8th Floor, Bangunan Persekutuan,*
*Jalan Bayam,*
*15514 Kota Bharu, Kelantan*

*Tel. : 09-741 9449*
*Fax : 09-748 2142*
*Email : jpkelantan@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Melaka,***
*7th & 8th Floor, Wisma Persekutuan,*
*Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,*
*75450, Ayer Keroh, Melaka.*

*Tel. : 06-252 2725*
*Fax : 06-252 2711*
*Email : jpmelaka@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Negeri Sembilan,***
*12th Floor, Wisma Persekutuan,*
*Jalan Dato' Abdul Kadir,*
*70000 Seremban, Negeri Sembilan.*

*Tel. : 06-765 5000*
*Fax : 06-765 5002*
*Email : jpnsembilan@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Pahang,***
*7th Floor, Bangunan Persekutuan,*
*Jalan Gambut,*
*25000 Kuantan, Pahang.*

*Tel. : 09-516 3931/7*
*Fax : 09-514 4636*
*Email : jppahang@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Pulau Pinang,***
*6th Floor, Bangunan Persekutuan,*
*10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.*

*Tel. : 04-226 6244*
*Fax : 04-229 9499*
*Email : jppulaupinang@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Perak,***
*3rd Floor, Block A,*
*Bangunan Persekutuan Ipoh,*
*Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),*
*30450 Ipoh, Perak.*

*Tel. : 05-255 4963*
*Fax : 05-255 1073*
*Email : jpperak@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Perlis,***
*26B,Aras 2, KPARC,*
*01000 Kangar, Perlis.*

*Tel. : 04-977 1221*
*Fax : 04-977 1223/04-976 8950*
*Email : jpperlis@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Selangor,***
*9th Floor, Bangunan Darul Ehsan,*
*Jalan Indah, Seksyen 14,*
*40000 Shah Alam, Selangor.*

*Tel. : 03-5515 0200*
*Fax : 03-5518 0408*
*Email : jpselangor@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Terengganu,***
*9th Floor, Wisma Persekutuan,*
*Jalan Sultan Ismail,*
*20200 Kuala Terengganu, Terengganu.*

*Tel. : 09-622 3062*
*Fax : 09-622 9659*
*Email : admin_jptrg@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Sabah,***
*Level 1-3, Block C,*
*Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,*
*Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,*
*88999 Kota Kinabalu, Sabah.*

*Tel. : 088-484 602*
*Fax : 088-484 659*
*Email : jpsabah@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Sarawak,***
*7th & 8th Floor, Bangunan Tun Datuk Patinggi*
*Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,*
*93514 Kuching, Sarawak.*

*Tel. : 082-240 287*
*Fax : 082-242 609*
*Email : sarawak@dosm.gov.my*

*Director,*
***Department of Statistics, Malaysia, Federal Territories,***
*14th & 15th Floor, Wisma FGV,*
*Jalan Raja Laut,*
*50350 Kuala Lumpur.*

*Tel. : 03-2267 2400*
*Fax : 03-2691 0639*
*Email : jpwpkl@dosm.gov.my*

ISSN 2600-9129

https://www.dosm.gov.my

@StatsMalaysia